

21/05/2001

Suara belia perlu diberi pengiktirafan

Rasid Rahaman

SEMALAM penulis menemui rakan lama yang berkunjung ke Ipoh kerana terbabit dalam program Hari Belia yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stadium Perak, malam Selasa lalu.

Oleh kerana sudah lama tidak berjumpa, banyak cerita dipertuturkan dalam pertemuan singkat itu. Cerita punya cerita, rakan penulis turut meluahkan isi hatinya mengenai perkembangan belia di negara ini.

Jawatannya tidaklah tinggi sangat, tetapi peranannya pada peringkat daerah tempat dia dilahirkan memang tidak siapa boleh nafikan.

Rakan penulis kata, banyak cara boleh dipraktikkan bagi memastikan pendapat dan cadangan belia yang selama ini dipinggirkan mendapat tempat sewajarnya, sekali gus membantu pertubuhan belia yang lesu pada hari ini kembali ceria.

Kata rakan penulis, kita perlu sedar bahawa pertubuhan belia pada hari ini lesu kerana mereka sering dikecewakan. Antara yang menyebabkan mereka kecewa ialah pendapat dan cadangan atau permasalahan yang dibangkitkan tidak mendapat tempat sewajarnya.

Bukan sekali, malah sudah banyak kali menyebabkan mereka menjadi malas dan akhirnya pertubuhan yang disertainya menjadi tidak aktif manakala ada yang berkubur begitu saja.

Kesan yang paling besar ialah kalangan belia pada peringkat daerah dan kampung. Mereka terus lesu. Selepas pendapat dan cadangan dipinggirkan, mereka sudah tentu kurang dihormati di tempat sendiri, lebih-lebih lagi kebanyakan mereka tidak mempunyai apa-apa.

Kata rakan penulis lagi, mereka juga menjadi lesu kerana tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk menguruskan persatuan belia itu sendiri.

Sekarang, semuanya memerlukan wang. Peruntukan yang disediakan untuk persatuan belia daerah sebanyak RM15,000 setahun sudah tentu tidak mencukupi untuk menjalankan pelbagai aktiviti dirancang.

Itulah hakikatnya. Sehubungan itu, kata rakan penulis, kerajaan perlu mempraktikkan saranan yang dikemukakan Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah yang meminta kerajaan memberi perhatian serius pandangan belia sebelum melaksanakan sesuatu dasar atau program.

Saiffudin berkata, pandangan atau maklum balas daripada golongan muda tidak pernah diperoleh dalam setiap dasar atau program yang dilaksanakan kerajaan.

Sama ada benar atau tidak kenyataan Saiffudin itu, penulis percaya ramai yang bersetuju dengan apa yang dinyatakan itu.

Hakikatnya, mereka bukan emosional dalam memperjuangkan isu belia. Mereka lakukan itu selepas kecewa kerana segala cadangan konkrit dalam menangani pelbagai isu demi kepentingan golongan itu pada peringkat daerah dan kampung tidak memihak kepada mereka.

Penulis akui kerajaan melakukan segala yang terbaik bagi membangun serta membimbing belia selain bertolak ansur kepada semua pertubuhan yang mewakili mereka.

Bagaimanapun, itu masih belum mencukupi.

Oleh itu, penulis bersetuju kerajaan perlu melantik wakil belia dalam perkumpulan pembuat dasar termasuk pada peringkat kerajaan tempatan.

Tindakan melantik wakil belia menduduki mana-mana jawatan pembuat dasar atau peringkat tertinggi dipercayai mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi golongan itu.

Contohnya, kenapa dibolehkan Presiden MTUC dilantik sebagai senator,

tetapi Saifudin yang mewakili belia yang jumlahnya begitu ramai tidak diberi tempat.

Kita dapat lihat sekarang peranan dimainkan Senator Zainal Rampak. Pelbagai pendekatan diambil untuk memperjuangkan hak pekerja, yang mana akhirnya tuntutan mereka mendapat perhatian kerajaan.

Begitu juga kenapa pemimpin politik boleh dilantik sebagai ahli majlis pihak berkuasa tempatan (PBT), tetapi belia tidak ada wakil langsung, sedangkan mereka mempunyai pengikut yang ramai.

Apa salahnya jika daripada antara 12 hingga 14 kerusi ahli majlis, satu kerusi atau dua diberi kepada pemimpin belia. Penulis yakin jika wakil belia dilantik sebagai ahli majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Dewan Bandaraya atau Majlis Bandaraya, suara mereka akan menjadi lebih lantang, malah segala masalah dapat diketengahkan dan dibincangkan bersama.

Segala kelewatan untuk menyelesaikan masalah itu, akan dipantau oleh wakil itu sendiri. Ini kerana mereka turut terbabit dalam membuat dasar PBT sebagai ahli majlis.

Mereka juga boleh menuntut hak mereka dan merebut beberapa projek di bawah pengurusan PBT yang selama ini hanya diberi kepada pemimpin politik yang dilantik sebagai ahli majlis.

Menerusi pendekatan itu, beberapa projek seperti mengangkut sampah boleh diserahkan kepada pertubuhan belia. Cara ini bukan saja boleh mengisi kantong atau tabung pertubuhan itu, malah memberi peluang kerja kepada ahli pertubuhan itu. Pertubuhan juga boleh berdikari mencari wang sendiri untuk menjalankan aktiviti mereka.

(END)